

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Laporan Pengarah	3 - 12
Penyata Pengarah	13
Akuan berkanun	13
Laporan juruaudit bebas	14 - 15
Penyata kewangan	
Penyata kedudukan kewangan	16 - 17
Penyata pendapatan	18
Penyata pendapatan komprehensif	19
Penyata perubahan ekuiti	20
Penyata aliran tunai	21
Nota-nota kepada penyata kewangan	22 - 108

No. Syarikat

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama penyata kewangan dan penyata sokongan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013.

KEGIATAN UTAMA

Syarikat terlibat terutamanya dalam perniagaan taja jamin insurans hayat, termasuk perniagaan berkaitan pelaburan. Tiada sebarang perubahan ketara dari segi bentuk kegiatan ini pada tahun kewangan yang dilaporkan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan dilaporkan	<u>17,154</u>

DIVIDEN

Tiada dividen dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Mac 2012. Para Pengarah tidak mengesyorkan sebarang pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab pada tahun kewangan didedahkan di dalam penyata kewangan.

PERUNTUKAN BAGI LIABILITI INSURANS

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa peruntukan sewajarnya telah dibuat bagi liabiliti insurans mengikut kaedah penilaian yang dinyatakan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("Rangka Kerja MBR") untuk penanggung insurans yang dikeluarkan oleh BNM.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan penghapuskiraan hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu, dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan sewajarnya telah dibuat bagi hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan jumlah yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi kemerosotan nilai dalam penyata kewangan Syarikat menjadi tidak mencukupi dalam jumlah yang ketara.

No. Syarikat

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan dalam urusan perniagaan biasa, yang nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat, telah diturunkan nilai kepada jumlah yang mungkin boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan nilai yang diberikan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUAR JANGKAAN DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- a) sebarang gadaian ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
- b) sebarang liabiliti luar jangkaan berkaitan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat Pengarah, tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain Syarikat telah berkuatkuasa atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan menjejaskan dengan ketara keupayaan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila matang.

Untuk tujuan perenggan di atas, sebarang liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang disebabkan pengunderaitan kontrak insurans dalam urusan perniagaan biasa oleh Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan dan penyata sokongan Syarikat yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat pada tahun kewangan yang dilaporkan tidak terjejas oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting atau luar biasa selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan dan penyata sokongan.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

PERKARA LUAR BIASA (BERSAMBUNG)

Pada pendapat para Pengarah tiada sebarang perkara urus niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa telah berlaku antara akhir tahun kewangan berakhir dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang penting atau luar biasa yang mungkin boleh menjejaskan keputusan operasi Syarikat secara ketara bagi tempoh di mana laporan ini disediakan.

TADBIR URUS KORPORAT

(a) Kepentingan dan komitmen

Syarikat, di bawah kepimpinan Lembaga Pengarah ("Lembaga"), mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa amalan korporat dan pengurusan adalah konsisten dengan keperluan perundangan dan piawaian amalan terbaik di bawah JPI/GPI 25: Rangka Kerja Berhemat Tadbir Urus Korporat bagi Penanggung Insurans ("Rangka Kerja") yang dikeluarkan pada 10 Mei 2000 oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"). JPI 13/2009 yang dikeluarkan pada 19 Mei 2009 menyokong rangka kerja ini dengan menyediakan garis panduan dan langkah tambahan yang perlu diguna pakai oleh penanggung insurans. Dasar Syarikat ialah untuk mencapai amalan terbaik dalam piawaian integriti perniagaan bagi semua kegiatan di seluruh Syarikat dan melaksanakan tadbir urus korporat yang baik yang diiktiraf secara sepenuhnya oleh Lembaga sebagai salah satu daripada tanggungjawab utamanya.

(b) Isu dan aspek penting

Unsur penting tadbir urus korporat yang terkandung dalam Rangka Kerja ini ialah:

- i. Lembaga yang berkesan dan seimbang dilantik menerusi prosedur pelantikan yang ditentukan terlebih dahulu;
- ii. Imbuan eksekutif yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Imbuan yang menarik dan mengekalkan kakitangan yang diperlukan untuk mengendalikan Syarikat;
- iii. Sistem kawalan dalaman yang mantap yang melindungi aset dan pelaburan Syarikat serta mengenal pasti dan menguruskan risiko perniagaan.

Komitmen Syarikat kepada piawaian tadbir urus korporat merangkumi perkara berikut:

- i. Lembaga mempunyai campuran Pengarah bebas dan bukan bebas. Lembaga terdiri daripada 8 pengarah bukan eksekutif dengan pengalaman luas, dengan 5 daripada mereka ialah Pengarah bukan eksekutif bebas yang mempunyai keupayaan sewajarnya untuk membantu Lembaga membuat keputusan. Peranan Pengarah bukan eksekutif penting untuk memastikan bahawa strategi yang disyorkan oleh pengurusan dibincangkan dan dikaji sepenuhnya dan mengambil kira kepentingan jangka panjang pelbagai pihak berkepentingan. Lembaga melantik pengarah baru atas cadangan Jawatankuasa Pencalonan.
- ii. Imbuan eksekutif ditetapkan oleh Jawatankuasa Imbuan. Matlamat dasar imbuan eksekutif Syarikat ialah untuk memberi ganjaran kompetitif kepada kakitangan, selepas mengambil kira prestasi individu, prestasi syarikat, perbandingan pasaran dan persaingan dalam industri insurans tempatan. Pakej imbuan dikaji semula setiap tahun dan merangkumi gabungan unsur gaji pokok dan ganjaran berasaskan prestasi.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(b) Isu dan aspek penting (bersambung)

iii. Lembaga bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Syarikat, dan meninjau keberkesanan sistem ini yang dirangka secara proaktif untuk menguruskan dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan yang mapan. Untuk mencapai matlamat ini, perkara berikut dilaksanakan:

- penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang memantau dan memberikan hala tuju keseluruhan dalam usaha menguruskan risiko;
- satu sistem kawalan kewangan dan perniagaan yang menyediakan laporan berkala oleh Ketua Pegawai Kewangan ("KPK") dan Ketua Pegawai Eksekutif ("KPE") kepada Lembaga;
- tinjauan kawalan dalaman secara berkala oleh jabatan audit dalaman Syarikat; dan
- tinjauan keberkesanan proses kawalan dalaman oleh Jawatankuasa Audit bagi pihak Lembaga.

(c) Tanggungjawab Lembaga

Lembaga bertanggungjawab secara mutlak terhadap hala tuju strategik Syarikat dan memantau prestasi Syarikat. Tumpuannya termasuk:

- i. Strategi
- ii. Pembangunan
- iii. Nilai pemegang saham
- iv. Pemantauan dan kawalan
- v. Tadbir urus korporat

(d) Penyediaan maklumat

Lembaga menyedari bahawa tumpuan strategik mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perniagaan dan pendedahannya perlu berdasarkan keputusan bermaklumat. Dengan ini, semua Pengarah akan diberikan agenda mesyuarat dan laporan Lembaga lebih awal dalam tempoh sewajarnya sebelum mesyuarat Lembaga. Tujuannya ialah untuk membolehkan Pengarah mendapatkan penjelasan lanjut, di mana perlu, agar mempunyai maklumat secukupnya sebelum mesyuarat. Jika dan apabila perlu, Lembaga, sebagai langkah selanjutnya dalam menjalankan tugas mereka dengan sempurna, boleh mendapatkan nasihat professional bebas atas perbelanjaan Syarikat. Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan menggunakan perkhidmatan Setiausaha Syarikat.

Pengarah yang memegang jawatan dalam tempoh sejak tarikh laporan terakhir adalah seperti berikut:

<u>Anggota Lembaga Pengarah</u>	<u>Kategori Pengarah</u>
Dato' Haji Kamil Khalid Ariff (Pengerusi)	Pengarah Bebas
Lee Chin Yong (Timbalan Pengerusi)	Pengarah Bukan Bebas
Dato' Chan Choy Lin	Pengarah Bukan Bebas
Dato' Dr. Mohd Shahari bin Ahmad Jabar	Pengarah Bebas
Dato' Majid bin Mohamad	Pengarah Bebas
Dato' Mohamed Hazlan bin Mohamed Hussain (Dilantik pada 30 Ogos 2012)	Pengarah Bukan Bebas
Chan Kok Seong	Pengarah Bukan Bebas
Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin	Pengarah Bebas
Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil (Meletak jawatan 3 September 2012)	Pengarah Bukan Bebas
Yeong Chee Wah (Meletak jawatan pada 15 Ogos 2012)	Pengarah Bebas

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(d) Penyediaan maklumat (bersambung)

Mesyuarat Lembaga dan kehadiran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 adalah seperti berikut:

<u>Pengarah</u>	<u>Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah</u>	
	Diadakan	Hadir
Dato' Haji Kamil Khalid Ariff	6	6
Lee Chin Yong	6	6
Dato' Chan Choy Lin	6	5
Dato' Dr. Mohd Shahari bin Ahmad Jabar	6	6
Dato' Majid bin Mohamad	6	6
Dato' Mohamed Hazlan bin Mohamed Hussain (Dilantik pada 20 Ogos 2012)	4	4
Chan Kok Seong	6	6
Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin	6	5
Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil (Meletak jawatan pada 3 September 2012)	2	1
Yeong Chee Wah (Meletak jawatan pada 15 Ogos 2012)	2	2

(e) Perlantikan/perlantikan semula Pengarah

Perlantikan dan perlantikan semula Pengarah adalah berasaskan Tataurusan Pertubuhan Syarikat. Semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga perlu dipilih semula pada setiap tahun berikutnya, dan seterusnya satu pertiga daripada Pengarah (iaitu yang paling lama memegang jawatan) hendaklah bersara atau dipilih semula.

(f) Latihan Pengarah

Para Pengarah digalakkan menghadiri program pendidikan berterusan dan seminar untuk mengikuti perkembangan terkini dalam industri. Syarikat telah menetapkan mekanisme bagi semua Pengarah untuk mengikuti perkembangan terkini dari segi perubahan dan penetapan peraturan dan keperluan undang-undang baru dari masa ke masa. Syarikat juga menyimpan rekod program latihan Pengarah dan kehadiran mereka dalam program tersebut.

(g) Penyata tanggungjawab Pengarah berhubung dengan penyata kewangan dan penyata sokongan

Akta Syarikat 1965 mensyaratkan para Pengarah untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan, iaitu Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian di Malaysia, seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan bagi Laporan Kewangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 di dalam semua aspek penting dan memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan urusan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan aliran tunai Syarikat dalam tahun kewangan dilaporkan.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(g) Penyata tanggungjawab Pengarah berhubung dengan penyata kewangan dan penyata sokongan (bersambung)

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- menggunakan dasar perakaunan yang sewajarnya dan menggunakannya secara konsisten;
- membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan teliti;
- memastikan bahawa semua piawaian perakaunan yang berkenaan telah dipatuhi; dan
- menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan kerana para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, selepas membuat penyiasatan sewajarnya, bahawa Syarikat mempunyai sumber secukupnya untuk terus beroperasi setakat tempoh yang boleh ditinjau pada masa depan.

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod perakaunan, yang mendedahkan dengan ketepatan yang sewajarnya, tentang kedudukan kewangan Syarikat dan memastikan penyata kewangan dan penyata sokongan mematuhi Akta Syarikat 1965.

Para Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah melindungi aset Syarikat dan mencegah dan mengesan penipuan serta penyelewengan.

(h) Laporan kewangan

Dengan membentangkan penyata kewangan tahunan, matlamat para Pengarah ialah untuk memberikan penilaian yang seimbang dan boleh dipercayai tentang kedudukan dan prospek Syarikat.

(i) Jawatankuasa lembaga

Lembaga telah memberikan tanggungjawab tertentu kepada enam jawatankuasa lembaga (Jawatankuasa Audit, Imbuan, Pencalonan, Pengurusan Risiko, Eksekutif dan Pelaburan), yang butirannya dinyatakan di bawah. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mengkaji isu tertentu dan melaporkan kembali kepada Lembaga dengan cadangan mereka. Namun begitu, tanggungjawab mutlak bagi keputusan akhir dalam segala hal terletak di tangan Lembaga.

(j) Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

Dato' Dr. Mohd Shahari bin Ahmad Jabar - Pengerusi  
Dato' Chan Choy Lin  
Dato' Haji Kamil Khalid Ariff  
Dato' Majid bin Mohamad  
Yeong Chee Wah (Meletak jawatan pada 15 Ogos 2012)

Jawatankuasa Audit mengkaji dasar perakaunan Syarikat, sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko, laporan daripada juruaudit dalaman dan luar Syarikat dan menentukan tindakan sewajarnya yang diambil oleh pihak pengurusan. Kesimpulannya dilaporkan kepada Lembaga, yang bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman Syarikat.

No. Syarikat

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(j) Jawatankuasa Audit (bersambung)

Jawatankuasa Audit juga mempertimbangkan penyata kewangan terbitan Syarikat bagi pematuhan berkanun dan amalan piawaian terbaik dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga tentang pendedahan yang sewajarnya dalam laporan ini. Ia juga mengkaji prestasi juruaudit luar Syarikat setiap tahun untuk memastikan hubungan yang objektif, profesional dan berkesan dari segi kos. Syarikat juga mencadangkan kepada Lembaga, yuran perkhidmatan audit bagi juruaudit luar.

(k) Jawatankuasa Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

Dato' Haji Kamil Khalid Ariff – Pengerusi  
Lee Chin Yong  
Dato' Majid bin Mohamad  
Dato' Mohamed Hazlan bin Mohamed Hussain (Dilantik pada 19 September 2012)  
Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin  
Dato' Chan Choy Lin (Meletak jawatan pada 19 September 2012)  
Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil (Meletak jawatan pada 3 September 2012)

Jawatankuasa Imbuhan menetapkan dasar imbuhan bagi Pengarah, KPE dan eksekutif kanan yang bertanggungjawab kepada Lembaga. Secara khususnya, Jawatankuasa Imbuhan memberi persetujuan tentang kontrak perkhidmatan/pekerjaan, gaji, manfaat lain, termasuk bonus dan penyertaan dalam pelan insentif jangka panjang lain Syarikat dan terma dan syarat perkhidmatan/pekerjaan lain Syarikat.

Jawatankuasa ini juga mempersetujui syarat bagi menamatkan perkhidmatan/pekerjaan, meluluskan perubahan dalam pelan insentif jangka panjang Syarikat, mencadangkan kepada Lembaga rancangan yang memerlukan kelulusan pemegang saham dan memantau operasi mereka.

Imbuhan Pengarah dan KPE

Imbuhan agregat Pengarah dan imbuhan KPE didedahkan dalam Nota 24 kepada penyata kewangan, yang memenuhi keperluan minimum JPI: 32/2003.

(l) Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

Dato' Haji Kamil Khalid Ariff – Pengerusi  
Lee Chin Yong – Timbalan Pengerusi  
Dato' Dr. Mohd Shahari bin Ahmad Jabar  
Dato' Majid bin Mohamad  
Dato' Mohamed Hazlan bin Mohamed Hussain (Dilantik pada 19 September 2012)  
Dato' Chan Choy Lin (Meletak jawatan pada 19 September 2012)  
Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil (Meletak jawatan pada 3 September 2012)  
Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin (Meletak jawatan pada 19 September 2012)  
Yeong Chee Wah (Meletak jawatan pada 15 Ogos 2012)

No. Syarikat

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(l) Jawatankuasa Pencalonan (bersambung)

Jawatankuasa Pencalonan mencadangkan kepada Lembaga pelantikan semua Pengarah dan meninjau dari masa ke masa, satu profil kemahiran dan ciri yang diperlukan daripada Pengarah secara keseluruhan untuk memastikan keseimbangan antara kepakaran dan keupayaan yang sewajarnya. Profil ini digunakan untuk menilai kesesuaian calon yang dikemukakan oleh Pengarah dan pemegang saham.

(m) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

Dato' Majid bin Mohamad - Pengerusi  
Dato' Haji Kamil Khalid Ariff  
Lee Chin Yong  
Chan Kok Seong  
Yeong Chee Wah (Meletak jawatan pada 15 August 2012)

Peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah:

- untuk meninjau pembangunan keupayaan dan risiko pelaksanaan budaya risiko yang boleh diterima bagi Syarikat;
- mengkaji kecukupan usaha mengenal pasti, menilai, mengawal dan menguruskan risiko di seluruhkumpulan dan menilai keberkesanannya dari masa ke semasa;
- mengkaji pembangunan dasar dan prosedur risiko, dan memantau dan mengkaji keberkesanannya;
- mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko secara konsisten dengan objektif pengurusanrisiko keseluruhan Syarikat.

(n) Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

Lee Chin Yong – Pengerusi  
Dato' Mohamed Hazlan bin Mohamed Hussain (Dilantik pada 19 September 2012)  
Chan Kok Seong  
Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil (Meletak jawatan pada 3 September 2012)

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(o) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin - Pengerusi  
Lee Chin Yong  
Dato' Mohamed Hazlan bin Mohamed Hussain (Dilantik pada 19 September 2012)  
Chan Kok Seong  
Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil (Meletak jawatan pada 3 September 2012)

Jawatankuasa Pelaburan diberi kuasa oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dan pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawab strategik Syarikat dalam bidang pelaburan. Mesyuaratnya juga dijadualkan seiring dengan mesyuarat Lembaga. Jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Lembaga, keputusan, pemerhatian dan cadangan berkaitan kegiatan pelaburan Syarikat untuk pertimbangan dan pengesahan mereka.

KEPENTINGAN SAHAM PENGARAH

Menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah, butir-butir anggapan kepentingan Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham Syarikat dan syarikat berkaitannya adalah seperti berikut:-

	Pada 1 April 2012	Diperoleh	Dilupuskan	Pada 31 Mac 2013
<b>Syarikat pegangan peringkat Kedua Langsung</b> Dato' Majid bin Mohamad	10,000	-	-	10,000
<b>Kepentingan Pasangan Pengarah-Pengarah</b> Dato' Dr. Mohd Shahari bin Ahmad Jabar	-	20,000	-	20,000

Selain daripada yang didedahkan di atas, menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai sebarang kepentingan dalam saham Syarikat atau syarikat berkaitannya pada tahun kewangan.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan dilaporkan, tiada perjanjian dibuat di mana Syarikat merupakan satu pihak di dalam perjanjian dengan matlamat untuk membolehkan Pengarah Syarikat memperoleh manfaat menerusi pemerolehan saham atau debentur Syarikat, atau mana-mana badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada imbuhan Pengarah seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan besar.

SYARIKAT PEGANGAN INDUK

Para pengarah menganggap Etika Strategi Sdn Bhd, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia sebagai syarikat pegangan induk dan DRB-HICOM Berhad, sebagai syarikat pegangan peringkat kedua.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan tugas.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi mereka bertarikh 31 Mei 2013.

DATO' HAJI KAMIL KHALID ARIFF  
PENGERUSI

CHAN KOK SEONG  
PENGARAH

Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PENGARAH MENURUT  
SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT 1965

Kami, Dato' Haji Kamil Khalid Ariff dan Chan Kok Seong, selaku dua daripada Pengarah, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 14 hingga 107 telah disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan urusan Syarikat pada 31 Mac 2013 dan menurut keputusan dan aliran tunai Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut berdasarkan kepada Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi mereka bertarikh 31 Mei 2013.

DATO' HAJI KAMIL KHALID ARIFF  
PENGERUSI

CHAN KOK SEONG  
PENGARAH

AKUAN BERKANUN MENURUT  
SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Kwo Shih Kang, selaku pegawai yang terutamanya bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan Uni.Asia Life Assurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 14 hingga 107, pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat akuan ini sesungguhnya dengan kepercayaan bahawa ia adalah benar dan memenuhi peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Kwo Shih Kang

Ditandatangani dan diperakui sesungguhnya oleh penama di atas, Kwo Shih Kang di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia pada 31 Mei 2013, di hadapan saya.

PESURUHJAYA SUMPAH

No. Syarikat

277714

A

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA  
AHLI UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
(No. Syarikat 277714 A)

LAPORAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Uni.Asia Life Assurance Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2013, dan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 14 hingga 107.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang dibentangkan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965, dan terhadap kawalan dalaman yang dianggap diperlukan oleh Pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata ketara, sama ada kerana penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Kami bertanggungjawab memberikan pendapat mengenai penyata kewangan ini berasaskan audit yang dilaksanakan. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mensyaratkan bahawa kami perlu mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh jaminan munasabah bahawa penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara.

Audit membabitkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan, sama ada kerana penipuan atau kesilapan. Semasa membuat penilaian risiko ini, kami mempertimbangkan kawalan dalaman berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan gambaran yang benar dan saksama untuk merangka prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran yang dibuat oleh Pengarah, dan juga menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan sewajarnya menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965, untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Mac 2013 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh itu.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA  
AHLI UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
(No. Syarikat 277714 A)

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain dan daftar yang perlu disimpan oleh Syarikat di bawah Akta telah disimpan dengan sewajarnya menurut peruntukan Akta.

PERKARA LAIN

1. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 penyata kewangan, Syarikat menerima pakai Piawaian Laporan Kewangan pada 1 April 2012 dengan peralihan bertarikh 1 April 2011. Piawaian-piawaian ini digunapakai secara retrospektif oleh pengarah-pengarah terhadap maklumat perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2012 dan 1 April 2011, serta penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2012 dan pendedahan yang berkaitan. Kami tidak terlibat dalam melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan ianya tidak beraudit. Tanggungjawab kami sebagai sebahagian audit penyata kewangan Kumpulan dan juga Syarikat bagi tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah, bagi keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang cukup di mana baki pembukaan pada 1 April 2012 tidak mengandungi kesilapan yang boleh menjejaskan kedudukan kewangan pada 31 Mac 2013 secara material serta prestasi kewangan dan aliran tunai pada tahun berakhir.
2. Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS  
(No. AF: 1146)  
Akauntan Berkanun

JAYARAJAN RATHINASAMY  
(No. 2059/06/14(J))  
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur  
31 Mei 2013

## No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 MAC 2013

	Nota	<u>31.03.2013</u> RM'000	Dinyata- semula <u>31.03.2012</u> RM'000	Dinyata- semula <u>01.04.2011</u> RM'000
<b>ASET</b>				
Hartanah dan peralatan	3	21,473	19,838	14,858
Hartanah pelaburan	4	5,000	4,850	9,800
Aset tak ketara	5	3,381	4,639	5,329
Prabayar pajakan tanah	6	246	250	253
Pelaburan	7	2,366,661	2,227,681	2,135,150
Sekuriti kerajaan Malaysia		114,244	140,649	170,855
Sekuriti hutang		1,178,926	1,227,943	1,069,383
Sekuriti ekuiti		190,061	193,969	208,639
Pelaburan berstruktur		80,054	82,277	112,568
Dana unit amanah dan amanah harta		80,042	103,559	112,024
Pinjaman		87,407	82,156	76,724
Deposit tetap dan panggilan		635,927	397,128	384,957
Aset insurans semula	8	8,360	11,366	2,327
Penghutang insurans	9	8,799	7,245	8,763
Penghutang lain	10	5,986	15,492	1,622
Aset cukai tertunda		1,765	780	795
Tunai dan kesetaraan tunai		8,053	4,172	7,088
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>2,429,724</u>	<u>2,296,313</u>	<u>2,185,985</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan.

## No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 MAC 2013 (bersambung)

	Nota	<u>31.03.2013</u> RM'000	Dinyata- semula <u>31.03.2012</u> RM'000	Dinyata- semula <u>01.04.2011</u> RM'000
<b>EKUITI, DANA PEMEGANG POLISI DAN LIABILITI</b>				
Modal Saham	11	125,000	125,000	125,000
Untung tertahan		227,898	210,744	189,891
Rizab nilai saksama sedia untuk dijual		11,019	12,933	7,778
Rizab penilaian semula aset		2,074	2,037	1,994
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<u>365,991</u>	<u>350,714</u>	<u>324,663</u>
Liabiliti kontrak insurans	12	1,828,200	1,687,979	1,585,678
Liabiliti cukai tertunda	13	41,471	45,562	46,603
Pinjaman bertempoh tersuborninat	14	53,000	53,000	53,000
Pemiutang insurans	15	125,071	140,173	157,329
Pemiutang cukai		-	1,564	1,427
Pemiutang lain	16	15,991	17,321	17,285
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>2,063,733</u>	<u>1,945,599</u>	<u>1,861,322</u>
<b>JUMLAH EKUITI, DANA PEMEGANG POLISI DAN LIABILITI</b>		<u>2,429,724</u>	<u>2,296,313</u>	<u>2,185,985</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan.

## No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

	Nota	31.03.2013 RM'000	Dinyatasemula 31.03.2012 RM'000
Hasil operasi	17	373,817	402,868
Premium kasar	18 (a)	275,842	313,761
Premium diserahkan kepada	18 (b)	(12,539)	(12,521)
Premium bersih		263,303	301,240
Pendapatan pelaburan	19	97,975	89,107
Keuntungan / kerugian direalisasikan	20	17,589	22,049
Keuntungan / kerugian nilai saksama	21	4,443	(23,728)
Pendapatan yuran	22	2	13
Hasil operasi lain		1,836	2,415
Hasil lain		121,845	89,856
Manfaat dan tuntutan kasar	23 (a)	(146,402)	(180,168)
Tuntutan diserahkan kepada pelanggan	23 (b)	2,642	9,592
Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak	23 (c)	(125,886)	(103,306)
Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penganggung insurans semula	23 (d)	15	5,553
Manfaat dan tuntutan insurans bersih		(269,631)	(268,329)
Perbelanjaan yuran dan komisen		(33,485)	(34,314)
Perbelanjaan pengurusan	24	(49,687)	(52,687)
Perbelanjaan lain		(83,172)	(87,001)
Keuntungan dan lebihan sebelum cukai		32,345	35,766
Cukai dana insurans hayat	26	(7,277)	(6,378)
Keuntungan dari operasi lain		25,068	29,388
Kos kewangan	25	(2,869)	(2,912)
Keuntungan sebelum cukai		22,199	26,476
Cukai	26	(5,045)	(5,623)
Keuntungan bagi tahun kewangan		17,154	20,853
Pendapatan sesaham-asas (sen)	27	13.72	16.68

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting dari penyata kewangan.

## No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

		31.03.2013	Dinyatasemula 31.03.2012
	Nota	RM'000	RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan		17,154	20,853
Pendapatan / kerugian komprehensif			
Rizab nilai saksama sedia-untuk-diljual			
Perubahan nilai saksama kasar	7 (e)	(9,019)	12,716
Cukai	13	1,187	(2,275)
		<u>(7,832)</u>	<u>10,441</u>
Perubahan dalam liabiliti kontrak insurans			
Perubahan nilai saksama kasar		6,433	(5,766)
Cukai		(515)	480
	12	<u>5,918</u>	<u>(5,286)</u>
Rizab penilaian semula aset			
Pendapatan kasar lebihan daripada penilaian semula		46	53
harta dan peralatan		(9)	(10)
Cukai		<u>(1,877)</u>	<u>5,198</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		<u>15,277</u>	<u>26,051</u>
Kewangan berakhir		<u><u>15,277</u></u>	<u><u>26,051</u></u>

## No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

Nota	Modal Saham RM'000	Rizab Penilaian Semula Aset RM'000	Rizab nilai saksama sedia untuk dijual RM'000	Tidak Boleh Diagih	Boleh Diagih	Jumlah RM'000	
				Lebihan Tidak Diperuntukkan RM'000	Untung Tertahan RM'000		
Pada 1 April 2012	125,000	-	3,120	-	49,055	177,175	
Kesan perubahan dalam polisi perakaunan	33	-	2,037	9,813	161,689	-	173,539
Dinyatakan semula pada 1 April 2012	125,000	2,037	12,933	161,689	49,055	350,714	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	37	(1,914)	15,901	1,253	15,277	
Pemindahan dari lebihan tidak diperuntukkan seperti yang disyorkan oleh Aktuari Terpilih (cukai bersih)	-	-	-	(27,753)	27,753	-	
Pada 31 Mac 2013	<u>125,000</u>	<u>2,074</u>	<u>11,019</u>	<u>149,837</u>	<u>78,061</u>	<u>365,991</u>	
Pada 1 April 2011	125,000	-	2,107	-	23,290	150,397	
Kesan perubahan dalam polisi perakaunan	33	-	1,994	5,671	166,601	-	174,266
Dinyatakan semula pada 1 April 2011	125,000	1,994	7,778	166,601	23,290	324,663	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	43	5,155	19,950	903	26,051	
Pemindahan dari lebihan tidak diperuntukkan seperti yang disyorkan oleh Aktuari Terpilih (cukai bersih)	-	-	-	(24,862)	24,862	-	
Pada 31 Mac 2012	<u>125,000</u>	<u>2,037</u>	<u>12,933</u>	<u>161,689</u>	<u>49,055</u>	<u>350,714</u>	

Lebihan yang tidak diperuntukkan dalam amaun adalah jumlah bersih cukai tertunda. Amaun ini adalah dihadkan sehingga pemindahan direkemen sebenar daripada dana nyawa ke dalam dana pemegang saham oleh Aktuari Terpilih mengikut Akta Insurans, 1996 dilakukan.

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting dari penyata kewangan.

## No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

	Nota	<u>31.03.2013</u> RM'000	Dinyatasemula <u>31.03.2012</u> RM'000
<b>KEGIATAN OPERASI</b>			
Tunai digunakan untuk kegiatan operasi	28	(67,059)	(65,491)
Pendapatan dividen diterima		8,581	7,241
Pendapatan faedah/keuntungan diterima		86,590	74,995
Pendapatan sewa atas hartanah pelaburan semula		257	260
Kos kewangan dibayar		(2,871)	(2,901)
Cukai pendapatan dibayar		(17,782)	(15,185)
		<u>7,716</u>	<u>(1,081)</u>
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>			
Hasil daripada pelupusan hartanah dan peralatan		46	-
Pembelian hartanah dan peralatan		(2,993)	(1,185)
Pembelian aset tak ketara		(888)	(650)
		<u>(3,835)</u>	<u>(1,835)</u>
<b>PENGURANGAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>			
		3,881	(2,916)
		<u>4,172</u>	<u>7,088</u>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>			
		8,053	4,172
		<u>8,053</u>	<u>4,172</u>
Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi: Tunai dan baki bank		8,053	4,172
		<u>8,053</u>	<u>4,172</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting dari penyata kewangan.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

1 MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat terlibat terutamanya dalam perniagaan taja jamin insurans hayat termasuk perniagaan berkaitan pelaburan. Tiada perubahan ketara dalam jenis kegiatan ini pada tahun kewangan.

Syarikat ini ialah sebuah syarikat awam berhad yang ditubuhkan dan berdomisil di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 9, Menara Uni.Asia, 1008, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.

Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di 16, Jalan Tun Tan Siew Sin, 50050 Kuala Lumpur.

Syarikat pegangan dan syarikat pegangan induk dan syarikat pegangan peringkat kedua masing-masing terdiri daripada Uni.Asia Capital Sdn Bhd, Etika Strategi Sdn Bhd dan DRB-HICOM Berhad, yang kesemuanya ditubuhkan di Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi Pengarah bertarikh 31 Mei 2013.

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten untuk menangani perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan.

2.1 Asas penyediaan

Penyata Kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Financial Reporting Standards (FRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Ini adalah penyata kewangan syarikat yang disediakan mengikut Piawaian FRS, termasuk "Penggunaan Piawaian FRS Kali Pertama". Penyata kewangan syarikat yang pertama adalah termasuk tiga penyata kedudukan kewangan, dua penyata pendapatan komprehensif, dua penyata aliran tunai dan dua penyata perubahan ekuiti dan nota-nota berkaitan, termasuk komparatif. Selain daripada perubahan polisi perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 33 penyata kewangan, penggunaan Piawaian FRS tidak memberi impak yang besar yang memerlukan penyataan semula kepada angka-angka komparatif dalam penyata kewangan. Syarikat telah menggunakan polisi perakaunan yang sama secara konsisten dalam pembukaan penyata Piawaian FRS kedudukan kewangan pada 1 April 2011 (tarikh perubahan) juga sepanjang tahun yang dipersembahkan, seakan-akan bahawa polisi ini telah pun dikuatkuasakan. Penyataan semula penyata komprehensif kedudukan kewangan pada 31 Mac 2012, penyata pendapatan komparatif, pendapatan komprehensif, perubahan ekuiti dan aliran tunai untuk tahun kewangan yang telah berakhir telah pun diaudit di bawah rangka kerja laporan kewangan Piawaian FRS kewangan lepas.

Penyediaan penyata kewangan untuk mematuhi Piawaian Perakaunan Diluluskan MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tahun kewangan yang dilaporkan. Para Pengarah diperlukan membuat pertimbangan dalam process menggunakan dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran ini adalah berasaskan pengetahuan dan tindakan terbaik Pengarah tentang keadaan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

2.1 Asas penyediaan (bersambung)

Bahagian-bahagian yang melibatkan tahap pertimbangan dan kerumitan yang lebih tinggi, atau bahagian-bahagian yang mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan yang disatukan adalah dinyatakan di dalam Nota 2.4 penyata kewangan.

- (a) Perakaunan baru piawaian, pindaan dan penambahbaikan kepada piawaian yang diterbitkan dan ditafsirkan kepada piawaian sedia ada yang relevan dan terpakai kepada tempoh kewangan berikut Syarikat adalah seperti berikut:
- Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 April 2013

MFRS 13: Ukuran nilai saksama

MFRS 13 “Ukuran nilai saksama” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2013) bertujuan untuk meningkatkan konsistensi dan mengurangkan kerumitan dengan menyediakan definisi tepat nilai saksama dan satu sumber pengukuran nilai saksama dan keperluan pendedahan untuk digunakan di seluruh MFRS.

Pindaan kepada MFRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan

Pindaan kepada MFRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2013) memerlukan pendedahan yang lebih luas, memberi tumpuan kepada maklumat kuantitatif tentang instrumen kewangan yang diiktiraf tertakluk untuk mengimbangi penyata kedudukan kewangan dan mereka yang tertakluk kepada pakar keuntungan bersih atau peraturan yang serupa tanpa mengira sama ada ia mengimbang. Syarikat akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula 1 April 2013.

Pindaan kepada MFRS 101: Pembentangan item pendapatan komprehensif lain.

Pindaan kepada MFRS 101 “Pembentangan item pendapatan komprehensif lain” (berkuatkuasa 1 Januari 2012) memerlukan entiti-entiti mengasingkan item yang dibentangkan dalam ‘pendapatan komprehensif lain’ (OCI) di dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada mereka boleh digunasesmula untuk keuntungan atau kerugian di masa hadapan. Pindaan ini tidak menyatakan item mana yang dibentangkan di dalam OCI.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD  
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2013

## 2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

### 2.1 Asas penyediaan (bersambung)

- (a) Perakaunan baru piawaian, pindaan dan penambahbaikan kepada piawaian yang diterbitkan dan ditafsirkan kepada piawaian sedia ada yang relevan dan terpakai kepada tempoh kewangan berikut Syarikat adalah seperti berikut: (bersambung)

- Tahun kewangan bermula 1 April 2014

#### MFRS 132: Instrumen Kewangan: Pembentangan

